

11/09/2003

Rentas Selat Melaka hadiah untuk Dr M

POTRET kejayaan 46 belia Melaka berkayak merentas Selat Melaka dan sijil The Malaysia Book Of Records (MBR) akan dijadikan hadiah istimewa untuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara Oktober ini.

Sijil itu, diserahkan secara rasmi oleh wakil MBR, S Yalit Hashim kepada Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Mohd Rustam, pada majlis meraikan peserta perbarisan Hari Kebangsaan peringkat negeri di sini kelmarin, adalah lambang keberanian belia Melaka bertarung dengan ombak sejauh 84.2 kilometer, berbekalkan semangat dari Perdana Menteri.

Timbalan Pengerusi Majlis Gabungan Belia Melaka (MGBM), Abdul Razak Abu, berkata kejayaan 46 belia termasuk seorang peserta perempuan termuda, Aishah Ismail, 13, berkayak merentasi Selat Melaka pada 28 Ogos lalu adalah hasil kata-kata semangat Dr Mahathir.

"Slogan 'Malaysia Boleh' yang diilhamkan oleh Perdana Menteri selain cabaran dari Mohd Ali menjadi pemangkin kepada kejayaan program Cabaran Kayak Merdeka MGBM/Rakan Muda Rentasi Selat Melaka itu.

"Walaupun kejayaan itu tidak setanding dengan pencapaian perenang marathon, Datuk Abdul Malik Mydin, jarak kayuhan kayak yang dilakukan oleh peserta melebihi apa yang dilakukan oleh Malik di Selat Inggeris.

"Kerana semangat Dr Mahathir inilah, MGBM mahu menghadiakan sijil MBR serta potret merentas Selat Melaka itu kepada beliau pada majlis persaraannya nanti," katanya.

Abdul Razak berkata, kejayaan program itu dicatatkan di dalam MBR sebagai program kayak paling jauh merentas Selat Melaka dengan pembabitan peserta paling ramai dan turut disertai peserta paling muda.

"Mereka (peserta) berkayak sejauh 84.2 kilometer, terpaksa mengharungi ribut barat, dan berdepan dengan angin kencang tiga arah ketika di Tanjung Jati, berhampiran Pulau Rupas. Kalau tidak kerana semangat cecal, mereka tidak mungkin selamat sampai di Pelabuhan Umum Dumai dalam tempoh 21 jam yang ditetapkan," katanya.